

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMS212 – Sejarah Asia Tenggara Tradisional

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

1. Bandingkan teori-teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara yang dikemukakan oleh Syed Naquib al-Attas dan Snouck Hurgronje.
(25 markah)
2. Sejauh mana aktiviti perdagangan dan perkapalan telah mempengaruhi kegemilangan dan kemunduran sesebuah kerajaan di Asia Tenggara dengan mengambil contoh daripada mana-mana kerajaan awal di Asia Tenggara kecuali Tanah Melayu.
(25 markah)
3. Huraikan pengaruh dan kesan kedatangan Islam terhadap aspek politik dan pentadbiran dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.
(25 markah)
4. Terdapat ramai sarjana yang berbeza pendapat mengenai teori Indianisasi di Asia Tenggara. Berdasarkan bukti-bukti yang kukuh, bandingkan tiga teori utama penyebaran pengaruh India iaitu teori Brahmin, Vaisya dan Ksyatriya.
(25 markah)
5. Antara persoalan utama yang dibahaskan mengenai proses pengindiaan di Asia Tenggara ialah adakah penduduk tempatan menerima pengaruh India secara pasif? Jelaskan sejauh mana wujudnya kearifan tempatan (*local/native genius*) dalam proses pengindiaan tersebut.
(25 markah)
6. Kemajuan dalam kegiatan perdagangan telah membolehkan kerajaan tradisional di Asia Tenggara mencapai zaman kegemilangannya. Bincangkan kenyataan tersebut dengan merujuk kepada aktiviti perdagangan oleh pedagang Arab-Parsi di Tanah Melayu.
(25 markah)

...3/-

SULIT

JMS212

- 000000 -

...4/-

SULIT